

JAWATANKUASA (BERNAMA EX-)

1977
KUALA LUMPUR, 4 JULAI (BERNAMA) -- TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD, TELAH DILANTIK SEBAGAI PENERUS JAWATANKUASA BANGUNAN BARU UMNO NEGERI KEDAH.

MENTERI BESAR, KEDAH, DATUK SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN, JUGA KETUA PERHUBUNGAN UMNO NEGERI MEMBERITAHU HARI INI BANGUNAN BARU SETINGGI ENAM TINGKAT YANG DIJANGKA MENELAN MELANJAU KIRA-KIRA \$4 JUTA AKAN DIDIRIKAN DI PEKAN ALOR SETAR.

MENURUT BELIAU BANGUNAN ITU AKAN DINAMAKAN BANGUNAN PUTRA BAGI MENGENANGKAN JASA BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN TERHADAP NEGARA DAN POLITIK NEGARA.

BELIAU BERKATA PELAN BANGUNAN ITU SEDANG DIREKA DAN KERJA-KERJA AWAL AKAN DIMULAKAN TAHUN DEPAN.

BELIAU MEMINTA SEMUA AHLI UMNO SUPAYA MEMBERI KERJASAMA KEPADA JAWATANKUASA TERSEBUT BAGI MENJAYAKAN RANCANGAN ITU. -- BERNAMA